Utusan Borneo : 26 November 2026

Lelaki rompak, cederakan gadis dipenjara dan disebat

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen Miri, semalam kerana merompak serta mencederakan seorang gadis dengan pisau lipat.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Afidah Abdul Rahman selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, keterangan fakta kes, keseriusan kesalahan serta kepentingan awam.

Tertuduh, Adrine Ong Kuan Wen, 22, dari Taman Desa Bayu, Kuala Sungai Baru, Melaka, didakwa mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh didenda atau sebat, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didapati telah melakukan rompakan terhadap mangsa, 16, dengan melarikan dua buah telefon bimbit, sebuah beg tangan, kad pengenalan dan wang tunai RM30 sebelum mencederakan mangsa dengan sebilah pisau lipat.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 8.17 pagi, 12 November lalu di sebuah bilik sewa di Kuala Baram dekat sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Christopher Ho Jing Hao manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.